



## KERAJAAN MALAYSIA

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2019

#### PENGUKUHAN PELAKSANAAN PEMBERIAN ELAUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pengukuhan pelaksanaan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam selaras dengan hala tuju semasa perkhidmatan awam dan keperluan persekitaran yang dinamik.

#### LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam masih menggunakan pakai dasar yang telah ditetapkan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) 1992 dan Sistem Saraan Malaysia (SSM) 2002. Tujuan pemberian ini diperkenalkan adalah untuk meningkatkan prestasi pegawai perkhidmatan awam serta menarik dan mengekalkan mereka melalui sistem saraan yang fleksibel.

3. Kerajaan sentiasa berusaha menambah baik penyampaian perkhidmatan awam termasuklah menyemak dan mengukuhkan pelaksanaan pemberian elaun agar ianya kekal relevan dan memenuhi keperluan serta kehendak perkhidmatan, melalui:

- 3.1 penambahbaikan penjelasan prinsip pemberian elaun;
- 3.2 penetapan kriteria dan jenis pemberian elaun;
- 3.3 pemansuhan elaun;
- 3.4 pindaan nama elaun selaras dengan kriteria dan jenis elaun;
- 3.5 penggabungan elaun berdasarkan kriteria yang sama; dan
- 3.6 penyeragaman syarat umum kelayakan pembayaran elaun.

## **TAFSIRAN**

4. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

**‘elaun’** bermaksud imbuhan tetap dan komponen berubah yang terdiri daripada bayaran imbuhan, elaun-elaun tertentu atau bayaran balik dan bayaran insentif;

**‘Ketua Jabatan’** bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu kementerian, jabatan, institusi atau agensi, termasuklah mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya.

## **PELAKSANAAN PENGUKUHAN PEMBERIAN ELAUN**

### **Penambahbaikan Penjelasan Prinsip Pemberian Elaun**

5. Prinsip-prinsip pemberian elaun yang ditetapkan dalam SSB dan SSM adalah dikekalkan kerana didapati masih relevan dengan penambahbaikan penjelasan seperti berikut:

- 5.1 **prinsip tidak sejagat** (non-universal) membolehkan elaun diberikan secara khusus kepada kumpulan atau perkhidmatan tertentu. Elaun diberi berdasarkan keunikan sesuatu perkhidmatan, kumpulan atau tugas. Sebagai contoh, elaun yang dibayar kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang diwartakan sebagai Pakar;
- 5.2 **prinsip tidak biasa** (non-regular) menetapkan elaun hanya diberi dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja. Elaun diberi berdasarkan tugas yang dilaksanakan di luar kebiasaan sesuatu perkhidmatan, kumpulan, organisasi dan seumpamanya. Sebagai contoh, Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok yang dibayar kepada pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang diarahkan melakukan tugas memanjat pokok;
- 5.3 **prinsip tidak kekal** (non-permanent) menentukan bahawa elaun diberi secara sementara. Elaun boleh ditarik balik, diberhentikan bayarannya atau dimansuhkan sekiranya sesuatu elaun itu tidak lagi relevan atau tidak lagi menepati kriteria tertentu pemberian elaun tersebut. Prinsip ini juga menentukan elaun boleh diberi mengikut suatu tempoh tertentu. Sebagai contoh, Insentif Profisiensi Bahasa Inggeris yang dibayar secara bertempoh kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar subjek Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan mencapai *band C1* atau *C2* dalam *Cambridge Placement Test* atau Ujian Aptis mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016; dan

5.4 **prinsip kesaksamaan** (fairness) membolehkan pemberian elaun dipanjangkan kepada perkhidmatan, kumpulan atau gred-gred tertentu yang layak dan memenuhi kriteria sesuatu elaun. Sebagai contoh, Bayaran Insentif Penguin Kuasa yang dibayar kepada pegawai penguin kuasa di Bahagian Penguin Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 2001 telah dipanjangkan kepada pegawai perkhidmatan awam tertentu yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan.

### **Penetapan Kriteria dan Jenis Pemberian Elaun**

6. Kriteria-kriteria elaun dalam perkhidmatan awam adalah seperti mana yang telah ditetapkan dalam SSB dan SSM seperti berikut:

- 6.1 kos sara hidup;
- 6.2 tanggungjawab tambahan;
- 6.3 bayaran balik perbelanjaan;
- 6.4 risiko kerja;
- 6.5 kesusahan;
- 6.6 kepakaran;
- 6.7 kemahiran atau kompetensi tambahan;
- 6.8 keanehan atau kejelikan (obnoxious) tugas;
- 6.9 kepentingan pengekalan sesuatu perkhidmatan; dan
- 6.10 galakan.

7. Bagi mempermudahkan pelaksanaan pemberian elaun, jenis elaun dalam perkhidmatan awam ditetapkan seperti berikut:

- 7.1 **imbuhan tetap** atau **bayaran imbuhan** yang diberi berdasarkan kriteria kos sara hidup seperti Imbuhan Tetap Perumahan atau Bayaran Imbuhan Sara Hidup;

- 7.2 **elaun atau bayaran balik** yang diberi berasaskan kriteria tanggungjawab tambahan dan bayaran balik perbelanjaan seperti Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu atau Bayaran Balik Letak Kenderaan; dan
- 7.3 **bayaran insentif** yang diberi berasaskan kriteria-kriteria risiko kerja, kesusahan, kepakaran, kemahiran atau kompetensi tambahan, keanehan atau kejelikan tugas, kepentingan pengekalan sesuatu perkhidmatan dan galakan seperti Bayaran Insentif Juruterbang atau Bayaran Insentif Tugas Kewangan.

### **Pemansuhan Elaun**

8. Berdasarkan prinsip di perenggan 5, sebanyak sembilan (9) elaun dimansuhkan seperti berikut:
  - 8.1 Bayaran Insentif Angkat Najis;
  - 8.2 Bayaran Insentif Menaip Jawi;
  - 8.3 Elaun Keraian kepada Setiausaha Sulit dan Setiausaha Sulit Kanan;
  - 8.4 Elaun Khas Penolong Pemungut Hasil Tanah;
  - 8.5 Elaun Operator Generator Elektrik;
  - 8.6 Elaun Penyelia Bilik Taip;
  - 8.7 Elaun Tilikan *Trigonometric Observation*;
  - 8.8 Insentif Profisiensi Bahasa Inggeris; dan
  - 8.9 Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.
9. Sekiranya masih ada pegawai yang melaksanakan tugas yang melayakkan pemberian elaun seperti di subperenggan 8.1 hingga 8.8 sebelum tarikh kuat kuasa Pekeling Perkhidmatan ini, Jabatan Perkhidmatan Awam boleh memberi kelulusan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) tertakluk pegawai berkenaan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

10. Bagi maksud pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) seperti di subperenggan 8.9, pemberian BIPK adalah dikekalkan secara KUP<sup>1</sup> kepada pegawai yang sedang berada dalam perkhidmatan sebelum tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini.

### **Pindaan Nama Elaun Selaras Dengan Kriteria Dan Jenis Elaun**

11. Berdasarkan kriteria dan jenis pemberian elaun sebagaimana di perenggan 6 dan 7, sejumlah **63** elaun dipinda nama seperti di **Lampiran A**. Pindaan nama elaun-elaun ini tidak melibatkan sebarang perubahan kadar.

### **Penggabungan Elaun Berdasarkan Kriteria Yang Sama**

12. Berdasarkan kriteria pemberian elaun sebagaimana di perenggan 6, sejumlah lapan (8) elaun digabung menjadi dua (2) elaun dengan nama baharu seperti berikut:

12.1 **Bayaran Insentif Pasukan Khas** adalah merupakan gabungan lima (5) elaun iaitu Bayaran Insentif Rejimen Gerak Khas, Bayaran Insentif Pasukan Khas Tentera Laut, Bayaran Insentif Pasukan Khas Tentera Udara, Bayaran Insentif Pasukan Gerak Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bayaran Insentif Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Pelaksanaan pemberian Bayaran Insentif Pasukan Khas adalah seperti di **Lampiran B1**; dan

12.2 **Elaun Rangsum** adalah merupakan gabungan tiga (3) elaun iaitu Sajian Tunai Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Sajian Tunai APMM dan Elaun Rangsum PDRM. Pelaksanaan pemberian Elaun Rangsum adalah seperti di **Lampiran B2**.

---

<sup>1</sup> Kadar BIPK adalah sebagaimana perenggan 14, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007.

## **Elaun Perkhidmatan Awam Yang Berkuat Kuasa**

13. Secara keseluruhannya, sebanyak **143** elaun dalam perkhidmatan awam yang dikekalkan pada tarikh berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini seperti di **Lampiran C**.

## **Penyeragaman Syarat Umum Kelayakan Pembayaran Elaun**

14. Bagi memastikan urusan pelaksanaan pemberian elaun perkhidmatan awam yang kemas dan teratur, syarat umum kelayakan pembayaran telah diseragamkan bagi elaun-elaun seperti di **Lampiran D**. Melalui penyeragaman ini, pembayaran elaun akan terhenti mulai hari pertama apabila pegawai berada dalam keadaan berikut:

- 14.1 Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- 14.2 Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- 14.3 kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- 14.4 Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- 14.5 cuti selain daripada Cuti Rehat, yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- 14.6 kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran; atau

- 14.7 menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.
15. Bagi elaun-elaun yang tidak disenaraikan di **Lampiran D**, syarat-syarat umum kelayakan pembayaran elaun adalah masih berkuat kuasa mengikut pekeliling perkhidmatan, surat pekeliling perkhidmatan, surat pelaksanaan dan surat edaran terdahulu.
16. Kaedah pembayaran bagi elaun-elaun yang dibayar secara bulanan hendaklah dibuat secara pro rata dalam keadaan di mana:
- 16.1 tempoh penempatan pegawai yang tidak genap satu (1) bulan kalender;  
atau
- 16.2 pegawai diarahkan menjalankan tugas yang melayakkkan pemberian elaun tertentu adalah tidak genap satu (1) bulan kalendar.
17. Kaedah pengiraan elaun secara pro rata adalah seperti yang berikut:

Bilangan Hari Menjalankan Tugas<sup>2</sup>

\_\_\_\_\_ X Kadar Elaun (RM sebulan)

Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan

18. Pembayaran elaun adalah menjadi tanggungjawab jabatan di mana pegawai ditempatkan. Sekiranya elaun tersebut belum dibayar oleh jabatan asal sebelum pegawai bertukar ke jabatan baharu, pembayaran hendaklah dibuat oleh jabatan asal.

---

<sup>2</sup> Menjalankan tugas sekurang-kurangnya empat (4) jam adalah dikira sebagai satu (1) hari.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

19. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan urusan pembayaran elau-elauan seperti di perenggan 9, 10 dan 13 dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan kewangan semasa.

## **PEMBATALAN**

20. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka semua pekeliling perkhidmatan, surat pekeliling perkhidmatan, surat pelaksanaan dan surat edaran seperti yang tersenarai di **Lampiran B1, Lampiran B2** dan **Lampiran E** adalah dibatalkan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

21. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2020**.

## **PEMAKAIAN**

22. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK MOHD KHAIRUL ADIB ABD RAHMAN)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**20** Disember 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN A****SENARAI ELAUN YANG DIPINDA NAMA**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SEDIA ADA</b>	<b>NAMA BAHARU</b>
1.	Bantuan Sara Hidup	Bayaran Imbuhan Sara Hidup
2.	Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah	Bayaran Imbuhan Menyelenggara Rumah
3.	Bayaran Bantuan Pembantu Rumah	Bayaran Imbuhan Pembantu Rumah
4.	Bayaran Bantuan Saran Pemandu	Bayaran Imbuhan Saran Pemandu
5.	Bayaran Insentif Akademik	Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dan Pergigian
6.	Bayaran Insentif Jurulatih Sukan	Elaun Jurulatih Sukan
7.	Bayaran Insentif Ketukangan (Anak Kapal)	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)
8.	Bayaran Insentif Ketukangan (Anak Kapal dan Artisan Laut)	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal dan Artisan Laut (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)
9.	Bayaran Insentif Khas (Jabatan Penjara Malaysia)	Bayaran Insentif Pengawasan Banduan
10.	Bayaran Insentif Khas (PUSPEN)	Bayaran Insentif Pengawasan Pelatih di PUSPEN
11.	Bayaran Insentif Khas ATM	Bayaran Insentif Perkhidmatan ATM
12.	Bayaran Insentif Khas JUSA	Bayaran Insentif Ikhtisas Gred Khas
13.	Bayaran Insentif Khas PDRM	Bayaran Insentif Perkhidmatan PDRM
14.	Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat	Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital
15.	Bayaran Insentif Luar Waktu Pejabat	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa
16.	Bayaran Insentif Memanjat Pokok (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia)	Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SEDIA ADA</b>	<b>NAMA BAHARU</b>
17.	Bayaran Insentif Mengajar Kanak-kanak Cacat	Bayaran Insentif Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas
18.	Bayaran Insentif Merawat Pesakit Jiwa, Tibi dan Kusta	Bayaran Insentif Merawat Pesakit Psikiatri, Tibi dan Kusta
19.	Bayaran Insentif Pegawai Kawalan Trafik Udara	Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara
20.	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah Bukan Pakar
21.	Bayaran Insentif Pemandu	Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Penjara Malaysia
22.	Bayaran Insentif Pembedahan Elektif	Elaun Pembedahan Elektif
23.	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang	Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerbangan Awam
24.	Bayaran Insentif Penempatan Pakar	Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan
25.	Bayaran Insentif Penerbangan bagi Pembantu Teknik Penerbangan	Bayaran Insentif Tugas Kalibrasi Penerbangan
26.	Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital	Elaun Pentadbiran Hospital
27.	Bayaran Insentif Pentaksiran Bertugas di Pelabuhan, Lapangan Terbang, Sempadan Jalan Darat, Zon Bebas dan Penggudangan	Elaun Tugas Pentaksiran di Pelabuhan, Lapangan Terbang, Sempadan Jalan Darat, Zon Bebas dan Penggudangan
28.	Bayaran Insentif Perudara	Bayaran Insentif Operasi Udara
29.	Bayaran Insentif Perudara Kementerian Kesihatan Malaysia	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kesihatan Udara
30.	Bayaran Insentif Sabah dan Sarawak	Bayaran Insentif Sabah dan Sarawak ATM
31.	Bayaran Insentif Semenanjung	Bayaran Insentif Semenanjung ATM
32.	Bayaran Insentif Thailand dan Singapura	Bayaran Imbuhan Thailand dan Singapura
33.	Bayaran Insentif Tugas Bius	Elaun Tugas Bius
34.	Bayaran Khas Persinggahan Pelabuhan Luar Negara	Elaun Persinggahan Pelabuhan Luar Negara

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SEDIA ADA</b>	<b>NAMA BAHARU</b>
35.	Bayaran Lebih Masa	Elaun Lebih Masa
36.	Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu	Bayaran Balik Pembaharuan Lesen Memandu
37.	Bayaran Perumahan Khas	Bayaran Imbuhan Perumahan Khas
38.	Bayaran Perundingan	Elaun Tugas Perundingan Universiti
39.	Bayaran Syarahan Akademik Sambilan	Elaun Syarahan Akademik Sambilan
40.	Elaun Bahasa Asing	Bayaran Insentif Bahasa Asing
41.	Elaun Bahasa bagi Jurubahasa di Mahkamah	Bayaran Insentif Tugas Jurubahasa di Mahkamah
42.	Elaun Gangguan	Bayaran Insentif Arahan Pertukaran Wilayah
43.	Elaun Gantian Motosikal	Bayaran Balik Gantian Motosikal
44.	Elaun Juruiring Bermotosikal dan Pemandu	Elaun Juruiring Bermotosikal dan Pemandu kepada Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, DYMM Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri
45.	Elaun Juruiring, Pengawal Peribadi dan Pengiring Rapat serta Kemudahan Pakaian Preman	Elaun Juruiring, Pengawal Peribadi dan Pengiring Rapat
46.	Elaun Kerja di Luar Waktu Bekerja Biasa	Elaun Tugas Atas Panggilan bagi Pegawai Perubatan
47.	Elaun Khas kepada Pegawai Perubatan yang Dilantik sebagai Pendaftar	Elaun kepada Pegawai Perubatan yang Dilantik sebagai Pendaftar
48.	Elaun Khas Mengendali Reaktor Nuklear	Bayaran Insentif Tugas Mengendali Reaktor Nuklear
49.	Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan	Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan
50.	Elaun Khas Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia	Bayaran Insentif Pasukan SMART
51.	Elaun Khas Skim Perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	Bayaran Insentif Perkhidmatan APMM

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SEDIA ADA</b>	<b>NAMA BAHARU</b>
52.	Elaun Penyelenggaraan Pakaian Juruiring, Pengawal Peribadi dan Pengiring Rapat	Elaun Penyelenggaraan Pakaian Kawalan Rapat
53.	Elaun Perumahan Wilayah	Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah
54.	Elaun Profesor Ulung	Bayaran Insentif Profesor Ulung
55.	Elaun Rating Pegawai Kawalan Trafik Udara	Bayaran Insentif Rating Trafik Udara
56.	Elaun Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM	Bayaran Insentif Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM
57.	Elaun Rating Pemeriksa Kapal Terbang	Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang
58.	Elaun Sebat	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Sebat
59.	Elaun Tanggungjawab	Elaun Tugas Pentadbiran Sekolah
60.	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik Parlimen
61.	Elaun Trengkas Dwi Bahasa	Bayaran Insentif Trengkas Dwi Bahasa
62.	Elaun Tugas Khas (Gantung)	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Gantung
63.	Elaun Tugas Khas Pentadbiran	Elaun Tugas Khas Pentadbiran di Universiti dan Institusi Penyelidikan

**LAMPIRAN B1****PELAKSANAAN PENGGABUNGAN  
BAYARAN INSENTIF PASUKAN KHAS**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PELAKSANAAN</b>									
1.	Nama elauan baharu:	Bayaran Insentif Pasukan Khas									
2.	Nama elauan yang digabungkan:	(i) Bayaran Insentif Rejimen Gerak Khas (ii) Bayaran Insentif Pasukan Khas Laut (iii) Bayaran Insentif Pasukan Khas Udara (iv) Bayaran Insentif Pasukan Gerak Khas PDRM (v) Bayaran Insentif Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat APMM									
3.	Kadar:	<table border="1"><thead><tr><th><b>Tahun Perkhidmatan</b></th><th><b>Kadar Sebulan (RM)</b></th></tr></thead><tbody><tr><td>1 hingga 10</td><td>600.00</td></tr><tr><td>11 hingga 15</td><td>750.00</td></tr><tr><td>16 dan ke atas</td><td>900.00</td></tr></tbody></table>		<b>Tahun Perkhidmatan</b>	<b>Kadar Sebulan (RM)</b>	1 hingga 10	600.00	11 hingga 15	750.00	16 dan ke atas	900.00
<b>Tahun Perkhidmatan</b>	<b>Kadar Sebulan (RM)</b>										
1 hingga 10	600.00										
11 hingga 15	750.00										
16 dan ke atas	900.00										
4.	Penerima:	Pegawai dan anggota yang berkhidmat dalam Rejimen Gerak Khas, Pasukan Khas Laut dan Pasukan Khas Udara ATM, Pasukan Gerakan Khas PDRM dan Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat APMM.									
5.	Pembatalan punca kuasa:	(i) JPA(S) 4/33/2 Klt.9/(23) bertarikh 4 Oktober 1994 (ii) JPA(S) 63/30/2 (59) bertarikh 21 Februari 1995 (iii) JPA(S) 63/159/1 (14) bertarikh 5 September 2001 (iv) JPA(S) 63/30/2 Jld. 2 (4) bertarikh 21 September 2004 (v) JPA(S) 4/40 Klt. 6 (23) bertarikh 21 September 2004 (vi) JPA(S)(BGE) 63/17/16 Klt.4 (46) bertarikh 15 Oktober 2008 (vii) pemakluman-pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.									

**LAMPIRAN B2**

**PELAKSANAAN PENGGABUNGAN  
ELAUN RANGSUM**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PELAKSANAAN</b>																								
1.	Nama elaun baharu:	Elaun Rangsum																								
	Nama elaun yang digabungkan:	(i) Sajian Tunai ATM (ii) Sajian Tunai APMM (iii) Elaun Rangsum PDRM																								
3.	Kadar:	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="2"><b>Bil.</b></th> <th rowspan="2"><b>Kategori Rangsum</b></th> <th colspan="2"><b>Kadar Sehari (RM)</b></th> </tr> <tr> <th><b>Semenanjung</b></th> <th><b>Sabah/ Sarawak</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Rangsum Segar</td> <td>8.10</td> <td>8.80</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Rangsum Tambahan G</td> <td>0.80</td> <td>0.80</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Rangsum Operasi Khas</td> <td>15.10</td> <td>16.60</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Rangsum Stesen Terumbu</td> <td>-</td> <td>12.60</td> </tr> </tbody> </table>			<b>Bil.</b>	<b>Kategori Rangsum</b>	<b>Kadar Sehari (RM)</b>		<b>Semenanjung</b>	<b>Sabah/ Sarawak</b>	1.	Rangsum Segar	8.10	8.80	2.	Rangsum Tambahan G	0.80	0.80	3.	Rangsum Operasi Khas	15.10	16.60	4.	Rangsum Stesen Terumbu	-	12.60
<b>Bil.</b>	<b>Kategori Rangsum</b>	<b>Kadar Sehari (RM)</b>																								
		<b>Semenanjung</b>	<b>Sabah/ Sarawak</b>																							
1.	Rangsum Segar	8.10	8.80																							
2.	Rangsum Tambahan G	0.80	0.80																							
3.	Rangsum Operasi Khas	15.10	16.60																							
4.	Rangsum Stesen Terumbu	-	12.60																							
4.	Penerima:	<p>Pegawai dan anggota ATM, PDRM dan APMM yang menjalankan tugas operasi.</p> <p>Elaun hanya diberi sekiranya sumber bekalan makanan biasa tidak dapat diberikan melalui prosedur biasa kerana kedudukan mereka yang terpencil dan sukar serta atas sebab-sebab keselamatan operasi yang dijalankan.</p>																								
5.	Pembatalan punca kuasa:	(i) JPA(S)63/100-3(SK1) bertarikh 7 November 2000 (ii) JPA(S)(BGE)63/17/16 Klt.4(79) bertarikh 16 Januari 2009 (iii) JPA(SARAAN) (S)63/100-3 Klt.2 (4) bertarikh 16 Januari 2009 (iv) JPA(S)63/155 Klt.2 (SV4) bertarikh 12 Januari 2001 (v) pemakluman-pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.																								

**LAMPIRAN C****SENARAI ELAUN YANG BERKUAT KUASA**

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
1.	Bayaran Balik Gantian Motosikal
2.	Bayaran Balik Pembaharuan Lesen Memandu
3.	Bayaran Balik Pembelian Cermin Mata
4.	Bayaran Imbuhan Menyelenggara Rumah
5.	Bayaran Imbuhan Pembantu Rumah
6.	Bayaran Imbuhan Perumahan Khas
7.	Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah
8.	Bayaran Imbuhan Sara Hidup
9.	Bayaran Imbuhan Saraan Pemandu
10.	Bayaran Imbuhan Thailand dan Singapura
11.	Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dan Pergigian
12.	Bayaran Insentif Arahan Pertukaran Wilayah
13.	Bayaran Insentif Bahasa
14.	Bayaran Insentif Bahasa (PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia)
15.	Bayaran Insentif Bahasa Asing
16.	Bayaran Insentif Bertugas di Bilik Mayat
17.	Bayaran Insentif Bomba
18.	Bayaran Insentif Detektif
19.	Bayaran Insentif HAZMAT
20.	Bayaran Insentif Ikhtisas Gred Khas
21.	Bayaran Insentif Jurutera Penyenggara Kapal Udara Berlesen, Unit Udara PDRM

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
22.	Bayaran Insentif Juruterbang
23.	Bayaran Insentif Juruterbang Penguin Pesawat dan Jurutera Penguin Pesawat TUDM
24.	Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian
25.	Bayaran Insentif Kesusahan Bertugas di Taman Negara
26.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)
27.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal dan Artisan Laut (APMM)
28.	Bayaran Insentif Ketukangan <i>Dog Handlers</i>
29.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)
30.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Penjara Malaysia)
31.	Bayaran Insentif Ketukangan (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)
32.	Bayaran Insentif Ketukangan (PDRM)
33.	Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan
34.	Bayaran Insentif Menyelam
35.	Bayaran Insentif Merawat Pesakit Psikiatri, Tibi dan Kusta
36.	Bayaran Insentif Operasi Udara
37.	Bayaran Insentif Pakar
38.	Bayaran Insentif Pasukan Atur Gerak Cepat
39.	Bayaran Insentif Pasukan Gerakan Am
40.	Bayaran Insentif Pasukan Khas
41.	Bayaran Insentif Pasukan Simpanan Persekutuan
42.	Bayaran Insentif Pasukan SMART
43.	Bayaran Insentif Pedalaman

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
44.	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah Bukan Pakar
45.	Bayaran Insentif Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM
46.	Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara
47.	Bayaran Insentif Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Pendidikan Khas
48.	Bayaran Insentif Pembersihan Jerangkap Samar
49.	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang ATM
50.	Bayaran Insentif Pemusnah Bom
51.	Bayaran Insentif Pencegah
52.	Bayaran Insentif Pencegahan Rasuah
53.	Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan
54.	Bayaran Insentif Penempatan Sabah, Sarawak atau Labuan kepada Pegawai Bukan Warganegara yang Dilantik Secara Kontrak
55.	Bayaran Insentif Penerbangan
56.	Bayaran Insentif Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas
57.	Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara
58.	Bayaran Insentif Pengawasan Banduan
59.	Bayaran Insentif Pengawasan Pelatih di PUSPEN
60.	Bayaran Insentif Penguat Kuasa
61.	Bayaran Insentif Penyelamat di Air
62.	Bayaran Insentif Penyiasatan
63.	Bayaran Insentif Perkhidmatan APMM
64.	Bayaran Insentif Perkhidmatan ATM
65.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Bomba

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
66.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kapal Selam
67.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kesihatan Udara
68.	Bayaran Insentif Perkhidmatan PDRM
69.	Bayaran Insentif Perkhidmatan PERHILITAN
70.	Bayaran Insentif Perumahan Sabah, Sarawak atau Labuan kepada Pegawai Bukan Warganegara yang Dilantik Secara Kontrak
71.	Bayaran Insentif Polis Trafik
72.	Bayaran Insentif Pos Basik
73.	Bayaran Insentif Profesor Ulung
74.	Bayaran Insentif Program Pemulihan Pemasyarakatan
75.	Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang
76.	Bayaran Insentif Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa
77.	Bayaran Insentif Rating Trafik Udara
78.	Bayaran Insentif Rawatan Kecemasan (Jabatan Bomba dan Penyelamat)
79.	Bayaran Insentif Sabah dan Sarawak ATM
80.	Bayaran Insentif Semenanjung ATM
81.	Bayaran Insentif Subjek Pendidikan
82.	Bayaran Insentif Teknikal
83.	Bayaran Insentif Trengkas Dwi Bahasa
84.	Bayaran Insentif Tugas Am
85.	Bayaran Insentif Tugas Cawangan Khas
86.	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Gantung
87.	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Sebat
88.	Bayaran Insentif Tugas Ikhtisas

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
89.	Bayaran Insentif Tugas Jurubahasa di Mahkamah
90.	Bayaran Insentif Tugas Kalibrasi Penerangan
91.	Bayaran Insentif Tugas Kewangan
92.	Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok
93.	Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerangan Awam
94.	Bayaran Insentif Tugas Mengendali Reaktor Nuklear
95.	Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor
96.	Bayaran Insentif Tugas Stesen Luar Pantai
97.	Bayaran Insentif Unit Pencegah Penyeludupan
98.	Bayaran Insentif Wilayah
99.	Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital
100.	Elaun Guru Besar dan Pengetua
101.	Elaun Guru Kelas Bahasa Ibunda
102.	Elaun Juruiring Bermotosikal dan Pemandu kepada Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, DYMM Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri
103.	Elaun Juruiring, Pengawal Peribadi dan Pengiring Rapat
104.	Elaun Jurulatih Sukan
105.	Elaun kepada Pegawai Perubatan yang Dilantik sebagai Pendaftar
106.	Elaun Kerja Luar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
107.	Elaun Kerja Luar Kadastra dan Pemetaan
108.	Elaun Lebih Masa
109.	Elaun Luar Penghulu
110.	Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Penjara Malaysia

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
111.	Elaun Pemandu Pengiring kepada YAB PM dan YAB TPM
112.	Elaun Pemangkuhan
113.	Elaun Pembantu Khas
114.	Elaun Pembedahan Elektif
115.	Elaun Penanggungan Kerja
116.	Elaun Pengetua Asrama
117.	Elaun Pentadbiran Hospital
118.	Elaun Penyelenggaraan Pakaian Kawalan Rapat
119.	Elaun Perjalanan dari Tempat Kediaman ke Tempat Bertugas
120.	Elaun Persinggahan Pelabuhan Luar Negara
121.	Elaun Pesuruhjaya Sumpah
122.	Elaun Rangsum
123.	Elaun Syarahan Akademik Sambilan
124.	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu
125.	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik Parlimen
126.	Elaun Tugas Atas Panggilan bagi Pegawai Perubatan
127.	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa
128.	Elaun Tugas Bius
129.	Elaun Tugas Khas Pentadbiran di Universiti dan Institusi Penyelidikan
130.	Elaun Tugas Memandu Kenderaan
131.	Elaun Tugas Pentadbiran Sekolah
132.	Elaun Tugas Pentaksiran di Pelabuhan, Lapangan Terbang, Sempadan Jalan Darat, Zon Bebas dan Penggudangan
133.	Elaun Tugas Perundingan Universiti

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
134.	Elaun Waktu Bekerja Fleksi bagi Pegawai Perubatan Siswazah
135.	Elaun Warden Asrama
136.	Elaun-elaun kerana Berkursus
137.	Elaun-elaun kerana Bertugas Rasmi
138.	Elaun-elaun kerana Bertukar dan Berpindah
139.	Elaun-elaun Khidmat Luar Negeri
140.	Imbuhan Tetap Jawatan Utama dan Gred Khas
141.	Imbuhan Tetap Keraian
142.	Imbuhan Tetap Khidmat Awam
143.	Imbuhan Tetap Perumahan

**LAMPIRAN D****SENARAI ELAUN YANG TERTAKLUK KEPADA  
PEMAKAIAN SYARAT UMUM KELAYAKAN PEMBAYARAN ELAUN**

BIL.	ELAUN
1.	Bayaran Imbuhan Thailand dan Singapura
2.	Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dan Pergigian
3.	Bayaran Insentif Bahasa
4.	Bayaran Insentif Bahasa (PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia)
5.	Bayaran Insentif Bahasa Asing
6.	Bayaran Insentif Bertugas Di Bilik Mayat
7.	Bayaran Insentif Bomba
8.	Bayaran Insentif Detektif
9.	Bayaran Insentif HAZMAT
10.	Bayaran Insentif Ikhtisas Gred Khas
11.	Bayaran Insentif Juruterbang Penguji Pesawat dan Jurutera Penguji Pesawat TUDM
12.	Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian
13.	Bayaran Insentif Kesusaahan Bertugas di Taman Negara
14.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)
15.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal dan Artisan Laut (APMM)
16.	Bayaran Insentif Ketukangan <i>Dog Handlers</i>
17.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)
18.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Penjara Malaysia)
19.	Bayaran Insentif Ketukangan (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)
20.	Bayaran Insentif Ketukangan (PDRM)

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
21.	Bayaran Insentif Menyelam
22.	Bayaran Insentif Merawat Pesakit Psikiatri, Tibi dan Kusta
23.	Bayaran Insentif Pasukan Atur Gerak Cepat
24.	Bayaran Insentif Pasukan Gerakan Am
25.	Bayaran Insentif Pasukan Khas
26.	Bayaran Insentif Pasukan Simpanan Persekutuan
27.	Bayaran Insentif Pasukan SMART
28.	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah Bukan Pakar
29.	Bayaran Insentif Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM
30.	Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara
31.	Bayaran Insentif Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Pendidikan Khas
32.	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang ATM
33.	Bayaran Insentif Pencegah
34.	Bayaran Insentif Pencegahan Rasuah
35.	Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan
36.	Bayaran Insentif Penerbangan
37.	Bayaran Insentif Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas
38.	Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara
39.	Bayaran Insentif Pengawasan Banduan
40.	Bayaran Insentif Pengawasan Pelatih di PUSPEN
41.	Bayaran Insentif Penguat Kuasa
42.	Bayaran Insentif Penyelamat di Air

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
43.	Bayaran Insentif Penyiasatan
44.	Bayaran Insentif Perkhidmatan APMM
45.	Bayaran Insentif Perkhidmatan ATM
46.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Bomba
47.	Bayaran Insentif Perkhidmatan PDRM
48.	Bayaran Insentif Perkhidmatan PERHILITAN
49.	Bayaran Insentif Polis Trafik
50.	Bayaran Insentif Pos Basik
51.	Bayaran Insentif Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM
52.	Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang
53.	Bayaran Insentif Rating Trafik Udara
54.	Bayaran Insentif Rawatan Kecemasan (Jabatan Bomba dan Penyelamat)
55.	Bayaran Insentif Subjek Pendidikan
56.	Bayaran Insentif Trengkas Dwi Bahasa
57.	Bayaran Insentif Tugas Am
58.	Bayaran Insentif Tugas Cawangan Khas
59.	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Gantung
60.	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Sebat
61.	Bayaran Insentif Tugas Ikhtisas
62.	Bayaran Insentif Tugas Jurubahasa di Mahkamah
63.	Bayaran Insentif Tugas Kalibrasi Penerbangan
64.	Bayaran Insentif Tugas Kewangan
65.	Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerbangan Awam

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
66.	Bayaran Insentif Tugas Mengendali Reaktor Nuklear
67.	Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor
68.	Bayaran Insentif Unit Pencegah Penyeludupan
69.	Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital
70.	Elaun Guru Besar dan Pengetua
71.	Elaun Guru Kelas Bahasa Ibunda
72.	Elaun Juruiring Bermotosikal dan Pemandu kepada Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, DYMM Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri
73.	Elaun Juruiring, Pengawal Peribadi dan Pengiring Rapat
74.	Elaun Jurulatih Sukan
75.	Elaun kepada Pegawai Perubatan yang Dilantik sebagai Pendaftar
76.	Elaun Luar Penghulu
77.	Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Penjara Malaysia
78.	Elaun Pemandu Pengiring kepada YAB PM dan YAB TPM
79.	Elaun Pembantu Khas
80.	Elaun Pengetua Asrama
81.	Elaun Pentadbiran Hospital
82.	Elaun Penyelenggaraan Pakaian Kawalan Rapat
83.	Elaun Pesuruhjaya Sumpah
84.	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu
85.	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik Parlimen
86.	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa
87.	Elaun Tugas Bius

<b>BIL.</b>	<b>ELAUN</b>
88.	Elaun Tugas Khas Pentadbiran di Universiti dan Institusi Penyelidikan
89.	Elaun Tugas Pentadbiran Sekolah
90.	Elaun Waktu Bekerja Fleksi bagi Pegawai Perubatan Siswazah
91.	Elaun Warden Asrama

**LAMPIRAN E****PEMBATALAN PUNCA KUASA BAGI  
ELAUN-ELAUN YANG DIMANSUHKAN**

BIL.	ELAUN
1.	<b>Bayaran Insentif Angkat Najis</b> Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*: i) JPA 63/50/68/(52) bertarikh 11 Julai 1985 ii) Perenggan D1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 iii) Perenggan C6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002
2.	<b>Bayaran Insentif Menaip Jawi</b> Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*: i) Perenggan 42, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980 ii) Perenggan D1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 iii) Perenggan C6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002
3.	<b>Elaun Keraian kepada Setiausaha Sulit dan Setiausaha Sulit Kanan</b> Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*: i) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1977 ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1984
4.	<b>Elaun Khas Penolong Pemungut Hasil Tanah</b> Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*: i) JPA(S)263/12/3/(56) bertarikh 29 November 1985 ii) JPA(S)263/12/3/(67) bertarikh 24 November 1988 iii) Perenggan D1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 iv) Perenggan C6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002
5.	<b>Elaun Operator Generator Elektrik</b> Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*: i) Perenggan 95, Pekeliling Perkhidmatan Tahun 1975 ii) Perenggan D1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 iii) Perenggan C6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 iv) JPA(S)63/17 Klt.6(64) bertarikh 29 Mac 2007

BIL.	ELAUN
6.	<p><b>Elaun Penyelia Bilik Taip</b></p> <p>Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perenggan 4(d), Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1988</li> <li>ii) Perenggan D1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991</li> <li>iii) Perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1994</li> <li>iv) Perenggan C6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002</li> </ul>
7.	<p><b>Elaun Tilikan Trigonometric Observation</b></p> <p>Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) FEO. CON. 962/6 bertarikh 10 Jun 1956</li> <li>ii) Perenggan D1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991</li> <li>iii) Perenggan C6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002</li> </ul>
8.	<p><b>Insentif Profisiensi Bahasa Inggeris</b></p> <p>Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) JPA.SARAAN(S)63/51/7 JLD.2(31) bertarikh 17 Jun 2014</li> </ul>
9.	<p><b>Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal</b></p> <p>Pekeliling/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dibatalkan*:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perenggan 52.2, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991</li> <li>ii) Lampiran C8, Perenggan B(1), Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002</li> <li>iii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007</li> <li>iv) JPA(BPO)(S)256/21/3-2 Klt.24(6) bertarikh 20 Mei 2008</li> </ul>

\* termasuk pemakluman-pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.